

GUGUR

UM 10 JUL 1981

KUALA LUMPUR 9 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak akan menggugurkan sesiapa dari kabinetnya yang pertama yang akan dibentuk pada 20 Julai, empat hari selepas beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Katanya, beliau akan mengekalkan anggota-anggota kabinet Datuk Hussein Onn yang ada sekarang tanpa membuat perubahan yang besar.

Namun begitu tegasnya, beliau mungkin perlu melantik seorang menteri baru dari barisan timbalan-timbalan menteri yang ada sekarang bagi mengisi kekosongan yang akan timbul berikutan pengunduran Datuk Hussein pada 16 Julai.

Tentang jawatan Timbalan Perdana Menteri yang akan dikosongkannya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau perlu memberi pertimbangan kepada

jurang kemenangan Timbalan Presiden UMNO yang tidak boleh dipertikaikan.

Bercakap kepada para wartawan selepas menerima kunjungan Menteri Luar Sri Lanka di pejabatnya hari ini, beliau menegaskan, jika undi yang diperolehi oleh Timbalan Presiden UMNO itu adalah senipis kertas, beliau terpaksa memberi pertimbangan kepada perkara-perkara lain.

Menjadi amalan

Menjawab pertanyaan sama ada beliau masih berpegang kepada kenyataannya bahawa Timbalan Presiden UMNO tidak semestinya menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau berkata:

"Kalau undi yang diperolehi itu adalah senipis kertas, lainlah soalnya, tetapi jurang kemenangan ini tidak boleh dinafikan," tegas beliau.

Walaupun Datuk Sri Dr. Mahathir mengelak dari menyebutnya secara terus terang, beliau jelas membayangkan kemungkinan Datuk Musa Hitam dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Menjawab satu pertanyaan, beliau memberitahu, Perdana Menteri dan timbalannya akan memegang satu portfolio tambahan seperti yang menjadi amalan

sebelum ini.

"Sebenarnya saya tidak ber-cadang membentuk sebuah kabinet baru, tetapi meneruskan barisan yang ada sekarang dengan perubahan kecil sahaja," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sekurang-kurangnya sebuah kementerian perlu diisi akibat pengunduran Datuk Hussein dan beliau mungkin perlu menaikkan pangkat seorang Timbalan Menteri.

Para pemerhati politik meramalkan, dua orang Timbalan Menteri yang mungkin bernasib baik itu ialah Encik Abdullah Ahmad, dari Kementerian Wilayah Persekutuan atau Encik Sanusi Juhid dari Kementerian Dalam Negeri.

Ditanya tentang kedudukan Tengku Razaleigh Hamzah pula, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Menteri Kewangan itu telah menemui beliau Isnin lalu bagi membincangkan kedudukannya.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut tentang pertemuan tersebut.

Mengenai kedudukan Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak nampak perlunya apa-apa perubahan sehingga pilihanraya umum.